

C17 Februari 2021 ksmo/p.h

Hanya Perlis berstatus PKPP, negeri lain diletak bawah PKPB

KL, tiga negeri kekal PKP 2.0

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

PETALING JAYA – Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang dikekalkan, manakala negeri-negeri lain kecuali Perlis diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk tempoh dua minggu bermula 19 Februari hingga 4 Mac ini.


Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan memaklumkan kes di kebanyakan negeri telah mula menunjukkan trend penurunan selepas dua minggu pelaksanaan PKP 2.0.

Bagaimanapun, kes penularan Covid-19 kekal tinggi di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang.

“Sidang Khas hari ini (semalam) bersetuju untuk menukar status PKP kepada PKPB di Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Putrajaya, Labuan serta Sabah dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Perlis bermula 19 Februari sehingga 4 Mac depan.

“Perlis menjadi satu-satunya negeri di bawah PKPP kerana kadar jangkitan yang agak terkawal,” katanya pada satu sidang akhbar semalam.

Menurut Ismail Sabri, di Sarawak, kerajaan negeri telah



TINJAUAN di sekatan jalan raya sempena PKP di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur kelmarin. – FARIZ RUSADIO

mengumumkan lanjutan PKPB di seluruh negeri bermula 15 Februari sehingga 1 Mac.

PKP 2.0 yang bermula pada 13 Januari lalu dijadualkan tamat esok.

“Dari sudut prosedur operasi standard (SOP) PKPB, secara dasarnya apa yang dibenarkan atau tidak dibenarkan sebelum ini adalah sama untuk PKPB kali ini.

Antara aktiviti yang dibenarkan semasa PKPB adalah majlis perkahwinan, pertunangan,

akikah, sambutan hari lahir dan majlis sosial lain,” katanya.

Dalam pada itu, larangan pergerakan melebihi radius 10 kilometer dibatalkan berkuat kuasa semalam.

Ismail Sabri memaklumkan, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) untuk enam lokaliti ditamatkan esok seperti yang dijadualkan.

Lokaliti terbabit ialah Kompleks Penjara dan Kuarters Kaki-tangan di Bentong; Felda Lasah dan Kampung Besi Api di Kuala

Kangsar; Felda Tersat Kuala Berang di Hulu Terengganu dan Tapak Bina Kuarters TNB Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Selain itu, beliau turut mengumumkan pelaksanaan PKPD di Kampung Sungai Maong di daerah Kuching, Sarawak bermula 17 Februari sehingga 2 Mac depan.

Arahan itu berikutan KKM mengesahkan peningkatan kes secara mendadak dalam tempoh 12 Februari hingga 15 Februari, dengan 13 kes positif direkodkan.